

# Kerajaan akan pastikan negara terus stabil - Anwar

Oleh **AIMAN ALI**  
aiman.ali@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan akan mempergiatkan usaha memastikan negara terus stabil selain mewujudkan ekosistem yang kondusif dan mesra perniagaan kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah kerajaan yang berterusan memperbaiki tatakelola, memerangi rasuah dan memberi tumpuan terhadap pelaburan bernilai tinggi telah menampakkan hasil dalam mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat.

“Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia Allah jua, negara terus berada dalam keadaan yang lebih baik. Ekonomi negara telah menunjukkan pertumbuhan yang rancak dan kukuh dengan kadar 5.9 peratus pada suku kedua 2024.

“Di samping itu, pemulihan terkini ringgit ketimbang dolar Amerika Syarikat dan mata wang utama lain, bersama dengan kenaikan pantas FBM KLCI tahun ini, turut menunjukkan keyakinan pelabur.

“Ini menjadi bukti jelas bahawa dasar-dasar dilaksanakan Kerajaan Madani telah membuah hasil yang positif, alhamdulillah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong, Sultan



**ANWAR Ibrahim ketika berucap pada Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Istana Negara semalam. - JABATAN PENERANGAN**

Ibrahim, semalam.

“Semua pemimpin dan anggota pentadbiran kerajaan juga hendaklah memikul amanah dengan penuh tanggungjawab demi kepentingan rakyat dan negara. Elakkan amalan rasuah dan salah guna kuasa.

“Saya juga berharap seluruh rakyat Malaysia akan terus mengekalkan perpaduan hidup harmoni dan bersatu padu serta berpegang teguh kepada rukun negara,” titah baginda sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda, semalam.

Tambah Anwar, kerajaan menyedari bahawa angka-angka

pertumbuhan tidak bermakna jika tidak melimpah kemajuan hasilnya kepada rakyat.

“Sesungguhnya matlamat yang ingin dicapai oleh rangka kerja ekonomi Madani adalah sosioekonomi masyarakat yang lebih saksama iaitu pendapatan rakyat meningkat, mengurangkan kos sara hidup dan memperluas jaringan keselamatan sosial.

“Kerajaan akan terus berusaha keras untuk meningkatkan akses kepada pendidikan bermutu, prasarana kesihatan dan perumahan mampu milik supaya rakyat menikmati kehidupan yang lebih selesa katanya.